

23/09/1998

Jepun mungkin lulus pinjaman RM6.84 bilion

JEPUN berkemungkinan besar meluluskan pinjaman berjumlah kira-kira AS\$1.8 bilion (RM6.84 bilion) yang diminta oleh Malaysia bagi membiayai beberapa projek prasarana.

Membayangkan kemungkinan pemberian pinjaman berkenaan, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) Jepun, Kaoru Yosano berkata: "Pada dasarnya kami akan mengadakan perbincangan yang bukan bertujuan untuk menolak atau menghampakan, sebaliknya akan cuba mencapai persetujuan."

Menurut beliau, ketika ini, pasukan Dana Kerjasama Ekonomi Seberang Laut (OECD) Jepun sedang meneliti kajian kemungkinan bagi setiap projek yang bakal dibiayai, dan dijangkakan satu rombongan dana itu akan ke negara ini minggu depan bagi berbincang dengan pegawai Malaysia, seterusnya membuat keputusan mereka.

"Ia akan membabitkan beberapa perbincangan kerana setiap perbincangan hanya akan mengkhusus kepada satu projek," katanya kepada media tempatan di Kuala Lumpur semalam sempena lawatannya ke negara ini.

Menurutnya, projek yang bakal dibiayai itu termasuk projek penjana kuasa dan pemasangan saluran paip air.

Menjawab pertanyaan, Yosano yang baru dua bulan lalu dilantik Menteri Miti Jepun berkata, pelaburan Jepun ke rantau ini termasuk Malaysia akan terus mengalir selagi ia masih berdaya maju.

"Polisi pelaburan kami di rantau ini masih seperti dahulu dan tidak berubah berikutan masalah ekonomi semasa," tegasnya.

Beliau berkata, bagaimanapun, pada masa yang sama, kerajaan negara di rantau ini juga perlu memainkan peranan dalam mengekalkan iklim pelaburan yang berdaya saing.

Yosano berkata, objektif utama lawatannya ke rantau ini meliputi Malaysia, Indonesia dan Singapura adalah untuk menjelaskan polisi yang telah dan bakal diambil oleh Jepun untuk memulihkan semula ekonominya.

"Kami juga mahu memberitahu rantau ini tahu Jepun akan terus memenuhi tanggungjawabnya sebagai penggerak utama ekonomi Asia," katanya.

Mengenai pertemuannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau berkata, perdana menteri memberikan penjelasan mengenai langkah kawalan tukaran asing yang diambil oleh Malaysia dan bagaimana langkah berkenaan tidak memberi kesan buruk malah memberi kebaikan kepada pelabur asing jangka panjang (FDI).

"Selepas mendengar penjelasan itu tanggapan saya mengenainya ialah ia adalah langkah kecemasan yang diputuskan setelah membuat kajian yang teliti," katanya.

(END)